

Jawi perlu dipelajari, difahami

Sistem tulisan bahasa Melayu wajar dimantapkan bagi perkukuh kedudukan

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sejarah bahasa Melayu sangat panjang dan berusia ribuan tahun justeru ia mempunyai sistem tulisannya tersendiri antaranya rencong, palava, kawi dan jawi. Antara kesemuanya itu, jawi membawa definisi baharu kepada perabadian orang Melayu apabila ia digunakan sebagai wahana ilmu.

Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Prof Datuk Seri Dr Awang Sariyan dalam Wacana Kuasai Tulisan Jawi dan Manuskrip Melayu Islam Siri 1 yang dijalankan secara dalam talian, berkata walaupun bahasa Melayu sudah mempunyai sistem tulisan sebelum jawi, tetapi kesan penggunaannya tidak sekuat jawi.

Malah rencong dan palava katanya hanya ditemui pada prasasti, manakala tulisan jawi digunakan dalam persuratan.

Digunakan oleh pelbagai bangsa

"Jawi juga menjadi wahana komunikasi persuratan dan sebagai indikator kedudukan Melayu sebagai bangsa yang besar. Ia digunakan oleh pelbagai bangsa dalam rumpun Melayu antaranya Jawa, Bugis dan Aceh," katanya ketika berkongsi kertas kerja Jawi dalam Pembinaan Tamadun Melayu.

Wacana Kuasai Tulisan Jawi dan Manuskrip Melayu Islam Siri 1, dianjurkan oleh Kluster Tarbiyah dan Persuratan Islam, Nadwah Ilmuan ABIM dan Akademi KDH dengan kerjasama: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM dan DBP berlangsung dalam lima siri sehingga Disember nanti.

Tegas Awang, jawi lahir daripada kesan langsung kedatangan Islam dan ia mempengaruhi penyebaran dan perkembangan Islam di alam Melayu. Jawi bukan hanya digunakan dalam mendokumentasikan sastera klasik seperti Hikayat Merong Mahawangsa atau Sulalatus Salatin, sebaliknya ia turut digunakan bagi merekodkan ilmu berkaitan agama Islam dan undang-undang.

"Walaupun ada pihak yang menganggap naskhah klasik seperti



Peta alam Melayu

Manuskrip tulisan rencong antara sistem tulisan tua bahasa Melayu yang berada dalam simpanan Perpustakaan Negara Malaysia.

Sulalatus Salatin itu mempunyai unsur mitos, namun ia tentu saja bukan alasan kukuh untuk menolaknya kerana naskhah klasik sebegitu merakamkan hal lain yang jauh lebih penting seperti hukum kanun," katanya.



Jawi lahir daripada kesan langsung kedatangan Islam dan ia mempengaruhi penyebaran dan perkembangan Islam di alam Melayu"

Dr Awang Sariyan

Tegas Awang, jawi yang diubah suai daripada tulisan Arab bukan hanya digunakan dalam sistem tulisan bahasa Melayu tetapi juga dalam bahasa lain seperti Turki dan Uyghur.

Di alam Melayu, jawi bukan hanya digunakan sebagai wahana dokumentasi ilmu tetapi ia juga digunakan sebagai bahasa diplomatik dan urusan rasmi misalnya dalam surat menyurat sultan di rantau ini dengan pemimpin British.

Malah katanya, ketika zaman sebelum merdeka, tulisan jawi turut digunakan Ketua Polis Kuala Lumpur ketika itu kepada Kapitan Cina di Kuala Lumpur, Yap Ah Loy.

"Malah di Johor, ketika Sistem Kangku iaitu sistem pajakan tanah kepada pengusaha dari China menggunakan dokumentasi dalam tulisan jawi.

"Hal ini menjelaskan kedudukan jawi sebagai tulisan bahasa Melayu dan ia bukan hal yang perlu ditakutkan dan dicurigai. Malah Yap Ah Loy sendiri tidak pula menjadi Islam disebabkan menulis dalam tulisan jawi," katanya.

Hal sebegitu tegasnya perlu diperhati dan tidak perlu ditakuti sebaliknya ia perlu difahami.

Sementara itu, Pensyarah Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Dr Adi Yasran Abdul Aziz ketika berkongsi kertas kerja, 'Sistem Ejaan Jawi yang disempurnakan Era Kontemporari' dalam wacana yang sama, berkata pada umumnya prinsip asas ejaan jawi adalah menggunakan seminimum mungkin bilangan huruf berbanding rumi selain ejaan yang menimbulkan kesamaran sebutan diubah suai dengan menambahkan vokal supaya bunyinya lebih jelas.

"Ejaan yang diterima pakai juga hendaklah yang biasa digunakan guru dan penulis Melayu," katanya.

Sudah diterbitkan dalam empat versi

Tegas Adi Yasran, ketika ini buku Pedoman Umum Ejaan Jawi yang diterbitkan DBP masih menjadi rujukan dan berdasarkan kaedah ejaan jawi dalam buku Daftar Ejaan Melayu (1949) oleh Za'ba dengan beberapa penambahbaikan. Ia sudah diterbitkan dalam empat versi sejak 1986 manakala yang terbaharu pada 2020.

Guru berbangsa Cina, Ong Ma Vin apabila dia memenangi Anugerah Khas Pertandingan Seni Khat Tulisan Jawi Peringkat Kebangsaan 2020.



"Naskhah itu ditambah baik bagi memperbetulkan kelemahan dalam sistem ejaan jawi yang digunakan selain menyelaraskan kaedah ejaan dalam penggunaannya," katanya.

Tegas Adi Yasran, pedoman terbaharu lebih mesra penggunaan selain lebih banyak penjelasan dan contoh diberikan.

"Sistem ejaan jawi itu ada tiga kelompok iaitu kata Melayu Jati yakni kata yang berasal daripada bahasa Melayu lama dan disebut dengan sistem sebutan Melayu oleh penutur Melayu, termasuk kata yang sudah lama terserap dan/atau sebatian dengan sistem bunyi bahasa Melayu seperti kata serapan daripada bahasa Sanskrit, Tamil dan Cina.

"Selain itu terdapat juga perkataan yang diserap dari bahasa Arab termasuk Parsi juga dari bahasa Inggeris juga bahasa Eropah lain yang belum sebatian dengan sebutan Melayu," katanya.